


TOKOH NILAM: Puteri Helena (kanan) bersama Cikgu Maslina.



TAHNNIAH: Puteri Helena Yasmeeen menerima Anugerah Tokoh Nilam Bahasa Inggeris daripada Awang Marten.

Puteri Helena Yasmeeen Tokoh NILAM Bahasa Inggeris Labuan

LABUAN: Pelajar 5Harmoni SMK Labuan Puteri Helena Yasmeeen Fadzil dianugerahkan Tokoh Nilam Bahasa Inggeris Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Anugerah Tokoh Nilam Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2020 diadakan di Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) WP Labuan pada 4-6 Mac lalu.

Seorang lagi peserta SMK Labuan ialah Kizzer Poh Wee Shen bagi kategori Bahasa Melayu.

Guru Pembimbing pula ialah Guru Perpustakaan Media (GPM) SMK Labuan

Maslina Arifin.

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah mengucapkan terima kasih atas usaha kolaboratif antara GPM dengan Panitia Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu membantu persiapan peserta SMK Labuan.

“Usaha ini juga untuk membentuk sikap murid untuk rajin membaca serta memupuk kebolehan murid berkomunikasi dengan yakin,” katanya sambil mengucapkan tahniah kepada Puteri Helena Yasmeeen yang mengharumkan nama SMK Labuan.

Ismail berharap beliau

akan mampu memberikan saingan kepada peserta lain di peringkat kebangsaan kelak.

Matlamat pertandingan itu ialah memberi pengiktirafan kepada murid yang telah berjaya menjalankan Program Nilam dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan selain memberi penghargaan atas usaha gigih murid dalam aktiviti pembacaan.

Dua kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Tokoh Nilam Bahasa Melayu (SR&SM) dan Anugerah Tokoh Nilam Bahasa Inggeris (SR&SM) serta Folio terbaik BM dan BI (SR&SM).

Pertandingan NILAM disertai semua sekolah menengah di Labuan.

Perkara-perkara yang dinilai (Ujian pengetahuan am, Temuduga Resensi Buku, Temuduga Isu-isu semasa dan Folio Tokoh Nilam).

Ketua Penolong Pengarah SSTP WP Labuan Awang Marten Datuk Haji Abd Rahman menyampaikan hadiah berbentuk sijil dan wang tunai kepada pemenang.

Pertandingan peringkat kebangsaan akan diadakan di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) JPN Selangor pada 30 Mac hingga 1 April depan.